

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Secara realitinya, telah banyak inovasi diperkenalkan memandangkan ledakan teknologi yang semakin pesat dalam dunia pendidikan pada masa kini. Hal ini sekaligus telah memberikan dampak positif dan sumbangan kepada dunia pendidikan yaitu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran berlakunya. Begitulah juga halnya dengan bahasa Arab yang tidak ketinggalan dalam perkembangan yang telah berlaku. Oleh itu, terdapat berbagai usaha yang sedang dan telah dijalankan bagi memastikan bahasa kemajuan ini dapat dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut.

Salah satu daripada inovasi tersebut adalah melalui penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang merupakan pemudah cara bagi para guru mentransisikan ilmu pengetahuan kepada muridnya. Oleh sebab itu, guru digesa supaya menggunakan bahan bantu mengajar terutama bahan-bahan yang dapat melibatkan berbagai pancaindera seperti bahan-bahan yang menggunakan warna dan bentuk yang menarik, demikian juga bahan-bahan yang dapat didengar dan dirasa. Dengan ini, murid-murid dapat membina konsep-konsep dengan tepat. Selain dari itu, mereka dapat mengaitkan konsep-konsep yang baru dengan pengalaman-pengalaman yang baru dan dengan itu proses pembelajaran akan menjadi lebih terang dan bermakna. Ia juga membantu interaksi sosial antara guru dan muridnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru sepatutnya dapat menggunakan sebarang bahan yang ada dan sesuai dalam proses interaksinya dengan murid-muridnya.

1.1 Latar belakang Kajian

Rosni Samah (2009), telah membincangkan tentang situasi bahasa Arab di Malaysia pada masa kini, aspek yang tidak dapat dinafikan kepentingannya ialah pendidikan. Perkembangan sistem pendidikan yang pesat di Malaysia masa kini menggambarkan betapa semua pihak termasuk kerajaan, masyarakat dan pihak swasta amat mengambil berat tentang perkembangan ilmu pengetahuan. Tidak terkecuali dalam mengalami perkembangan positif ini ialah pengajaran bahasa Arab. Penjelasan sebelum ini menunjukkan bahawa pada zaman dahulu, pengajaran bahasa Arab di Malaysia bersifat tidak formal yang diajarkan di pondok atau madrasah. Pengajaran bahasa Arab ini berterusan dan berkembang dari semasa ke semasa hingga ke hari ini melalui sistem persekolahan yang teratur dan sistematik.

Antaranya adalah institusi pendidikan yang menawarkan pengajian bahasa Arab di peringkat persekolahan yang terbahagi pula kepada beberapa jenis pentadbirannya seperti sekolah agama peringkat menengah di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), sekolah agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat menengah seperti Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), sekolah agama di bawah kelolaan Majlis-Majlis Agama dan Zakat di peringkat rendah dan menengah, sekolah agama rakyat yang dibangunkan oleh masyarakat setempat dan dikendalikan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) di peringkat rendah dan menengah dan sekolah agama yang dikendalikan oleh pihak swasta di peringkat rendah dan menengah (Abd Razak Abu Chik, 2006: 18).

Dari segi matlamat pengajarannya pula, telah banyak berlaku perubahan paradigma dan tanggapan terhadap pengajarannya. Pengajaran bahasa Arab pada masa dahulu pada

hakikatnya tidak mempunyai matlamat yang jelas kerana tidak terdapat rekod-rekod yang menyatakan tentang tujuan pengajaran bahasa tersebut kepada murid-murid (Ishak Mohd Rejab, 1992).

Malahan perkembangan bahasa Arab maju lagi setapak apabila kerajaan mula memperkenalkan program j-QAF di bawah naungan Kementerian Pelajaran yang antara penumpuannya ialah pengajaran bahasa Arab di Malaysia sudah mempunyai sistem pengajiannya yang lengkap merentasi semua peringkat umur bermula dari murid berumur 7 tahun hingga ke peringkat universiti. Pelaksanaan j-QAF yang bermula semenjak tahun 2004 menunjukkan kesungguhan kerajaan memartabatkan pengajian bahasa Arab di Malaysia yang juga merupakan bahasa rasmi agama Islam (Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah, 2007).

Pelaksanaan program j-QAF adalah merupakan satu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardhu Ain yang dilaksanakan di sekolah rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat rendah ialah menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah.

Bagi mencapai matlamat tersebut, sememangnya bahan bantu mengajar (BBM) memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah bahasa Arab. Para guru haruslah mempelbagaikan cara pengajaran mereka dan tidak hanya menggunakan

buku teks dan pengajaran yang berbentuk “*chalk and talk*” sahaja. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menggunakan bahan bantu mengajar dengan sebaik mungkin bagi membantu kefahaman murid-muridnya tentang konsep dan ilmu pelajaran yang hendak disampaikan.

1.2 Pernyataan Masalah

Salah satu isu yang telah dibincangkan berhubung dengan pengajaran bahasa Arab di Malaysia iaitu masih banyak masalah yang didapati dalam semua aspek, walaupun terdapat usaha-usaha yang boleh dibanggakan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Penguasaan bahasa Arab di kalangan murid Melayu dirasakan amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan murid-murid dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap, dan guru yang lebih berkeelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin ketara dan meningkat. Persoalan besar yang menghantui pemikiran kita ialah apakah sebab berlakunya fenomena ini dan bagaimana cara mengatasinya? (Mat Taib Pa, 2006: 1).

Selain itu, mempelajari bahasa Arab masih lagi dianggap mempelajari oleh kebanyakan murid. Hal ini mungkin disebabkan kerumitan bahasa itu sendiri untuk dikuasai atau kerana metod pengajaran dan pembelajarannya yang kurang efektif.

Walaupun pada hakikatnya, perkembangan pembelajaran bahasa Arab dalam arus kebangsaan menyaksikan satu perubahan yang ketara. Kurikulumnya digubal khusus bagi mencapai kehendak falsafah pendidikan negara, serta bertujuan untuk menjana modal insan yang cemerlang dalam pembangunan negara. Objektifnya dirangka bagi mencapai falsafah pendidikan negara dalam membentuk modal insan serta membolehkan murid menguasai

kemahiran berbahasa khususnya dalam menggunakan bahasa Arab untuk berkomunikasi dalam persekitaran murid khususnya dalam bidang profesional mereka (Rosni Samah, 2009).

Objektif yang hendak dicapai pada akhir pengajaran dan pembelajaran sekolah rendah ialah agar murid dapat mendengar bunyi huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab serta memahaminya. Selain itu, mereka diharapkan dapat menyebut dengan betul huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab seterusnya dapat bertutur dalam bahasa Arab berdasarkan situasi tertentu dan memahaminya. Selain itu juga, murid diharapkan dapat membaca perkataan dan ayat bahasa Arab dengan betul dan memahaminya serta mampu menulis perkataan dan ayat bahasa Arab dengan betul serta memahaminya. Seterusnya dapat menulis petikan berdasarkan situasi tertentu menggunakan ayat-ayat mudah dan memahaminya.

Oleh itu, kaedah pengajaran merupakan pendekatan penting dalam pengajaran bahasa Arab. Ini akan menentukan pencapaian murid dalam penguasaan bahasa. Kaedah yang berkesan akan dapat membantu proses kelancaran pengajaran dan input positif dalam mencapai matlamatnya. Kaedah juga memainkan peranan penting dalam menarik minat murid untuk belajar bahasa Arab. Walaupun ada pelbagai kaedah dalam pengajaran bahasa Arab, Abdul Hadi Mohd Salleh (1998: 54), mengatakan bahawa kaedah pengajaran yang berjaya ialah boleh memberi rasa prihatin murid dan boleh mendorong murid bersikap proaktif, cergas dan bekerjasama dalam pelajaran. Dalam masa yang sama, kaedah tersebut mestilah tidak menjemukan murid dan memberikan kebebasan berfikir serta boleh memberi peluang yang lebih banyak kepada murid untuk bertutur berbanding guru.

Mempelajari bahasa asing seperti bahasa Arab bukanlah sesuatu yang mudah untuk dikuasai tanpa disertakan dengan teknik dan kaedah yang betul bagi mendapatkan tahap penguasaan yang maksimum dalam mempelajari bahasa. Jamaludin dan Zaidatun (2003), menyatakan bahawa teknik pengajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan sesuatu pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan murid. Justeru, guru perlu memilih teknik pengajaran yang baik dan sesuai agar menjadi pemangkin kepada penguasaan ilmu dan kemahiran dalam kalangan murid.

Hal ini telah diperkukuhkan oleh kenyataan Rosni Samah (2009: 20), bagi menjayakan proses pengajaran bahasa Arab Komunikasi di sekolah, sukatananya digubal khusus bagi memenuhi kehendak komunikasi dan juga buku teksnya ditulis. Terdapat beberapa pendekatan digariskan bagi mencapai objektif tersebut. Antaranya pengajaran hendaklah menggunakan alat bantu mengajar yang terdiri daripada perakam suara, kaset, CD, ROM, komputer dan sebagainya. Ini bagi pelbagai situasi disarankan bagi mendedahkan kepada murid laras dalam pelbagai situasi.”

Memandangkan kepada program j-QAF merupakan satu program yang agak baru diperkenalkan di peringkat sekolah rendah, berbagai pendekatan pengajaran perlu diterapkan dalam mencapai matlamat pengajaran bahasa Arab. Berdasarkan sukatan pengajaran j-QAF, guru bahasa Arab hendaklah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan kadar satu unit atau topik untuk satu bulan. Bagi membantu mencapai objektif dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru disarankan agar menggunakan bahan-bahan seperti kad imbasan, CD dan VCD yang dibekalkan ke sekolah-sekolah.

Dengan ini, timbulnya minat pengkaji untuk melihat keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran murid. Tujuan kajian ini dijalankan juga adalah untuk mengetahui BBM yang paling diminati oleh murid dan secara tidak langsung BBM tersebut boleh diaplikasikan dalam pembelajaran mereka. Lebih dari itu, kajian ini juga akan memperlihatkan sejauhmanakah guru mengaplikasikan penggunaan BBM ini dalam pengajaran mereka?. Ataupun guru lebih gemar menggunakan pendekatan tradisional dalam pengajaran mereka iaitu menggunakan kaedah “chalk and talk sahaja”?. Hal ini tidak seharusnya berlaku kerana guru-guru bahasa Arab j-QAF sememangnya sudah didedahkan secara komprehensif tentang penggunaan BBM sepanjang mereka berada dalam tempoh kursus di Institut Pendidikan Guru (IPG) selama lapan belas bulan. Dengan ini, pengkaji berminat untuk mengetahui jenis-jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dan tahap keberkesanan penggunaannya di peringkat sekolah rendah dalam menanam minat murid mempelajari bahasa Arab.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, penyelidikan ini adalah berkaitan dengan keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF. Secara lebih spesifiknya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Mengetahui pasti BBM yang paling diminati oleh murid;
- ii) Meninjau sama ada terdapat korelasi antara persepsi murid mengenai bahasa Arab, persepsi mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab;
- iii) Meninjau keberkesanan penggunaan BBM melalui perbezaan pencapaian antara kumpulan yang menggunakan BBM dengan kumpulan yang tidak menggunakan BBM;

- iv) Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dan cadangan-cadangan dalam penyediaan BBM.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian tersebut, empat soalan kajian telah dibentuk, iaitu:

- i) Apakah BBM yang paling diminati oleh murid?
- ii) Apakah terdapat korelasi antara persepsi murid mengenai bahasa Arab, persepsi mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dan persepsi terhadap amalan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab?
- iii) Apakah wujud perbezaan tahap pencapaian antara kumpulan yang menggunakan BBM dengan kumpulan yang tidak menggunakan BBM?
- iv) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dan cadangan-cadangan dalam penyediaan BBM?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini cuba mengenal pasti bahan bantu mengajar yang diminati dan sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah rendah. Oleh itu, kajian ini memberi kepentingan kepada beberapa pihak tertentu iaitu kepada para guru, pihak pentadbir sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan murid.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan panduan untuk guru-guru dan pensyarah yang terlibat dalam program latihan guru-guru j-QAF yang dilaksanakan oleh KPM terutama aspek penguasaan metodologi pengajaran bahasa Arab. Ianya juga dapat merangsang guru-guru bahasa Arab yang lain dalam melaksanakan proses pengajaran dan

pembelajaran yang lebih berkesan dan lebih kreatif. Hasil daripada kajian ini akan membolehkan mereka menilai semula metod pengajaran mereka dan seterusnya akan meningkatkan lagi mutu pengajaran guru-guru ke tahap yang lebih membanggakan. Di samping itu, guru-guru bahasa Arab juga dapat mengetahui tahap penggunaan BBM dalam pengajaran mereka. Penyelidikan ini juga mampu membantu guru-guru bahasa Arab agar dapat menggunakan teknik dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada pihak pentadbir sekolah bagi menyusun teknik pengajaran guru melalui pemilihan BBM serta menyediakan kemudahan peralatan mengajar kepada guru agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Ianya juga dapat memberi kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengenal pasti jenis BBM yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang ada di sekolah rendah masa kini. Dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dapat merangka dan membekalkan BBM yang sesuai ke sekolah rendah seluruh negara terus melalui sekolah atau melalui JPN. Pihak JPN juga dapat menyediakan dan melengkapkan Pusat Kegiatan Guru (PKG) di kawasan mereka bagi memudahkan guru-guru meminjam dan mendapatkan BBM bagi kegunaan di sekolah masing-masing.

Apa yang lebih penting, kajian ini diharapkan dapat membantu murid agar lebih memahami isi pelajaran yang diajar serta menghindarkan mereka dari rasa bosan dan timbulnya suasana yang hambar semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sedang berlangsung. Maka, kajian ini diharapkan dapat mendedahkan kepada para guru tentang bahan bantu mengajar yang paling diminati oleh murid dan diharapkan dengan kajian yang dijalankan ini dapat mencungkil potensi murid melalui pendedahan sumber pengajaran

yang berbagai bentuk. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat mengubah tanggapan murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab dan menganggap ianya satu subjek yang mudah dan menyeronokkan untuk dipelajari seterusnya dapat meningkatkan pencapaian murid akhirnya.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan di sebuah sekolah rendah di kawasan Klang, Selangor. Pengkaji telah memilih Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Klang kerana ia merupakan salah sebuah sekolah yang menawarkan program j-QAF dan juga merupakan sekolah rintis kepada program tersebut. Kajian ini hanya akan tertumpu kepada guru-guru dan murid-murid yang terlibat dengan program j-QAF (Bahasa Arab) sahaja. Murid yang terlibat dalam kajian ini hanyalah terdiri dalam kalangan murid tahun lima iaitu seramai 60 orang yang mempelajari bahasa Arab. Oleh yang demikian, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua murid yang lain. Guru yang terlibat pula adalah seramai empat orang.

Bahan bantu mengajar yang digunakan dalam menjalankan kajian ini hanyalah terdiri daripada tiga jenis bahan sahaja iaitu *powerpoint*, gambar dan kad imbasan. Ketiga-tiga jenis bahan ini akan digunakan oleh guru sewaktu kajian dijalankan. Guru akan menggunakan bahan bantu tersebut sewaktu mengajar kumpulan rawatan sahaja, manakala bagi kumpulan kawalan, guru mengajar menggunakan cara biasa. Bagi membentuk soalan ujian pula, pengkaji hanya merujuk kepada Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Lima.

1.7 Definisi Operasional

Pengkaji akan menerangkan dan menghuraikan beberapa istilah dan konsep asas yang diguna pakai dalam kajian ini, iaitu:

1.7.1 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005: 772), keberkesanan adalah bermaksud perihal berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan, dan sebagainya : ~ *sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperoleh sesudahnya; Ujian Pencapaian Sekolah amatlah penting dari segi menilai~pengajaran dan pembelajaran KBSR*). Keberkesanan dalam kajian ini adalah merujuk kepada sejauhmanakah berkesannya bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab j-QAF.

1.7.2 Bahan bantu mengajar

Menurut Ikhsan & Norila (2005), bahan bantu mengajar adalah bahan yang digunakan oleh guru bagi menggerakkan proses pengajaran dan pembelajaran ke arah mencapai objektif sesuatu pengajaran dan pembelajaran.

Bahan bantu juga ditakrifkan sebagai satu instrumen yang digunakan sebagai sumber untuk memantapkan teknik pengajaran guru dan pembelajaran murid. Bahan bantu mengajar di sini merujuk kepada segala bahan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab j-QAF.

1.7.3 Pembelajaran

Pembelajaran ialah satu proses penerimaan oleh seseorang yang dikenali sebagai murid atas satu-satu maklumat atau pengetahuan yang mengakibatkan perubahan tingkah lakunya

yang progresif. Malahan, pembelajaran akan membolehkan seseorang itu mencapai matlamat tertentu dan memenuhi cita-cita. Di samping itu, dalam situasi normal seperti bilik darjah, pembelajaran merupakan proses dua hala antara pengajar dan murid yang berlaku secara terancang (Nik Hassan Basri, 2005: 105).

Dengan erti kata lain, pembelajaran biasanya berlaku apabila guru berjaya dalam usaha komunikasinya. Ianya berjaya dicapai dan dipertingkatkan melalui:

- penerangan guru yang jelas
- pengalaman murid yang bererti
- kegiatan yang menyeronokkan murid dan guru

Oleh itu, pembinaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat rasional kerana memenuhi ketiga-tiga syarat yang dinyatakan di atas. Dalam kajian ini, pembelajaran dipadankan dengan aktiviti dan penglibatan murid sepanjang berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

1.7.4 Bahasa Arab (j-QAF)

Bahasa Arab merupakan salah satu subjek yang diintegrasikan dalam program j-QAF. J-QAF adalah singkatan kepada Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain. Kesemua perkara tersebut adalah elemen-elemen dalam Pendidikan Islam kecuali bahasa Arab. Projek j-QAF bermaksud memperkukuhkan penguasaan Jawi, memastikan murid-murid khatam al-Quran di sekolah rendah, mewajibkan pelajaran Bahasa Arab dan memantap amalan dan penghayatan fardhu ain. Projek j-QAF adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan dan memperkasakan sekolah kebangsaan.

1.8 Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian, metodologi sangat penting dalam menentukan sesuatu objektif kajian tercapai atau sebaliknya. Metodologi kajian ini yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.8.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan semasa yang menggunakan data kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi. Data-data akan dipungut melalui soal selidik dan soalan pengujian. Data-data daripada borang soal selidik akan dianalisis menggunakan *perisian SPSS versi 12.0* bagi mendapatkan frekuensi dan peratusan berdasarkan keputusan yang diperolehi dan dianalisis secara deskriptif. Berdasarkan soal selidik juga, hubungan antara persepsi murid juga akan dihuraikan oleh pengkaji iaitu dengan melihat nilai korelasi antara pembolehubah tersebut. Data daripada soalan pengujian yang dijalankan ke atas murid-murid juga akan dianalisis menggunakan *perisian SPSS versi 12.0* bagi mendapatkan skor min dan *nilai -t* berdasarkan pencapaian murid dan seterusnya akan dianalisis oleh pengkaji secara deskriptif dan inferensi. Di samping itu, temu bual juga akan dijalankan dengan para guru dan data daripada hasil temu bual tersebut akan dianalisis secara kualitatif berbentuk deskriptif.

1.8.2 Responden Kajian

Seramai 60 orang murid dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada murid tahun lima dan kesemua responden berumur 11 tahun. Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan murid yang mengambil bahagian dalam mempelajari subjek bahasa Arab j-Qaf di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Klang, Selangor. Responden yang terlibat terdiri daripada 33 orang murid lelaki dan 27 orang

murid perempuan. Bagi mengetahui keberkesanan bahan bantu mengajar, responden kajian tersebut dibahagikan pula secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. 30 orang murid berada dalam kumpulan kawalan dan 30 orang murid lagi berada dalam kumpulan rawatan. Guru yang ditemu bual pula adalah guru yang mengajar bahasa Arab iaitu seramai empat orang. Bagi pengkaji, kedua-dua pihak perlu diambil kira iaitu murid dan guru bagi memperoleh maklumat tindak balas mereka dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

1.8.3 Instrumen Kajian

Kajian tinjauan semasa ini akan menggunakan instrumen berdasarkan soal selidik dan soalan pengujian. Selain itu, instrumen temu bual juga akan dijalankan ke atas guru bagi mendapatkan data sokongan untuk menguatkan lagi kesahan kajian.

1.8.3.1 Soal selidik murid

Soal selidik ini akan dijalankan kepada 60 orang murid yang mengikuti program j-QAF (bahasa Arab) di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya. Responden merupakan murid tahun lima. Soal selidik ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu:

- a) Butir-butir peribadi seperti jantina, umur, darjah, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu dan sebagainya
- b) Bahan bantu mengajar yang paling diminati
- c) Persepsi murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab
- d) Persepsi murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar
- e) Persepsi murid terhadap amalan dalam pembelajaran bahasa Arab.

1.8.3.2 Soalan pengujian

Sebanyak 10 soalan pengujian akan dibentuk dan dijalankan ke atas murid-murid tahun lima. Soalan yang dibentuk akan terbahagi pula kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A akan dipecahkan kepada tujuh bahagian kecil dan bahagian B pula akan dipecahkan kepada tiga bahagian kecil. Pengkaji akan membentuk soalan berdasarkan sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran bahasa Arab tahun lima. Murid-murid akan dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan seramai 30 orang dan kumpulan rawatan juga seramai 30 orang. Berdasarkan kepada soalan-soalan yang akan diberikan, kumpulan kawalan akan diajar oleh guru tanpa menggunakan bahan bantu mengajar manakala kumpulan rawatan pula akan diajar oleh guru dengan menggunakan bahan bantu mengajar. Hal ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan alat-alat tersebut dalam pembelajaran murid.

1.8.3.3 Temu bual dengan guru

Dalam usaha mendapatkan data, pengkaji juga mengadakan sesi temu bual dengan empat orang guru bahasa Arab. Temu bual ini akan dimulakan dengan pertanyaan mengenai maklumat peribadi, pandangan guru berhubung bahan bantu mengajar seperti bahan bantu mengajar yang paling kerap digunakan, tempoh penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan kepentingan bahan bantu mengajar. Selain itu, tujuan utama temu bual ini dijalankan adalah bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru dalam penyediaan bahan bantu mengajar dan cadangan yang dirasakan perlu bagi meningkatkan lagi penggunaan bahan bantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.8.4 Kaedah mengumpul dan menganalisis data

Pengkaji menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif berdasarkan kepada bentuk data yang diperolehi. Pengumpulan data adalah melalui soal selidik dan soalan pengujian yang dijalankan ke atas murid. Selain itu, data juga dikumpul melalui temu bual yang dijalankan kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Arab j-QAF. Data-data akan dianalisis menggunakan perisian komputer “*Statistical Package for Sosial Science*” hasil daripada soalan kajian yang telah diperolehi bagi mendapatkan frekuensi, peratusan dan skor min, sisihan piawai dan *nilai -t*.

1.9 Rangka Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab utama iaitu pengenalan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, metodologi kajian, analisis dan dapatan kajian dan kesimpulan dan cadangan kajian. Setiap bab utama pula mempunyai subtopik yang tertentu, iaitu:

Bab 1 : Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan mengenai pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional yang mengandungi konsep asas dan istilah yang diguna pakai dalam kajian, metodologi kajian yang dijalankan yang terdiri daripada reka bentuk kajian, responden kajian dan instrumen kajian, rangka kajian yang akan dijalankan dan penutup.

Bab 2 : Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab

Dalam bab dua ini, penulis akan membincangkan mengenai kajian berkaitan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, definisi BBM, pembahagian BBM, fungsi

BBM, kepentingan BBM, teori-teori pembelajaran, metod pengajaran bahasa Arab, dan program j-QAF.

Bab 3 : Metodologi Kajian

Bab ini akan membincangkan pula tentang reka bentuk kajian, lokasi kajian, responden kajian, instrumen kajian yang terdiri daripada soal selidik murid, soalan pengujian serta soalan temu bual guru j-QAF.

Bab 4 : Analisis Dan Dapatan Kajian

Bab ini membincangkan hasil analisa daripada soal selidik murid, hasil analisa soalan pengujian dan temu bual guru bahasa Arab j-QAF. Soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS versi 12.0* bagi mendapatkan frekuensi dan peratusan. Selain itu, analisis soalan pengujian juga dijalankan menggunakan perisian *SPSS versi 12.0* bagi mendapatkan skor min, sisihan piawai dan *nilai -t*. Data daripada hasil temu bual pula pengkaji membuat analisis dan menginterpretasi data berdasarkan transkripsi daripada rakaman guru.

Bab 5 : Kesimpulan Dan Cadangan

Bab terakhir ini mengutarakan kesimpulan kajian yang dijalankan, dapatan keseluruhan yang diperolehi serta cadangan lanjut dan cadangan untuk pengkaji seterusnya.

1.10 Penutup

Kesimpulannya, penggunaan BBM penting dalam penguasaan bahasa Arab lebih-lebih lagi pada peringkat permulaan pembelajaran kerana cara pengajaran amatlah membantu murid dalam menguasai sesuatu kemahiran bahasa. Penggunaan BBM juga perlulah disesuaikan

dengan setiap kemahiran yang diajar iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran bertutur. Oleh itu, sebagai satu institusi pendidikan peringkat awal, pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Guru haruslah menggunakan BBM dengan sebaik mungkin semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Tuntasnya, penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya menerusi program j-QAF amatlah perlu memandangkan program ini beberapa tahun baru dilaksanakan bagi menanam minat murid dan yang lebih penting kekesanannya pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dipertingkatkan dengan jayanya sekaligus memberikan input positif kepada murid.